

# KENYATAAN MEDIA



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya  
No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## **PENGUMUMAN PENENTUAN HARGA MAKSIMUM BARANGAN HARGA TERKAWAL SKIM KAWALAN HARGA MUSIM PERAYAAN DEEPAVALI 2018**

**PUTRAJAYA, 23 OKTOBER 2018** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menentukan harga maksimum bagi **16 jenis barangan harga terkawal** untuk dikuatkuasakan di bawah **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Deepavali 2018** yang mana perayaannya dijangka akan disambut pada **6 November 2018**.

Skim ini akan bermula dari **3 November hingga 9 November 2018**. **Tempoh pelaksanaan** adalah selama **7 hari** bagi perayaan tersebut dan ianya akan berkuat kuasa pada **3 hari sebelum perayaan, 1 hari pada hari perayaan dan 3 hari selepas perayaan**. Skim ini akan dilaksanakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

**Senarai barangan harga terkawal** bagi **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Deepavali 2018** adalah seperti berikut:

- (1) Ayam hidup
- (2) Ayam standard (disembelih dan dibersihkan berserta kaki, kepala, hati dan hempedal atau mana-mana bahagiannya)
- (3) Ayam super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal)
- (4) Daging kambing tempatan bertulang
- (5) Daging kambing import bertulang dan daging biri-biri import bertulang
- (6) Telur ayam gred A (berat antara 65.0 gram hingga dan 69.9 gram sebiji)
- (7) Telur ayam gred B (berat antara 60.0 gram hingga 64.9 gram sebiji)
- (8) Telur ayam gred C (berat antara 55.0 gram hingga 59.9 gram sebiji)

- (9) Tomato
- (10) Cili merah
- (11) Kelapa biji  
*(\*Harga maksimum di peringkat borong sahaja)*
- (12) Kelapa parut  
*(\*Harga maksimum di peringkat runcit sahaja)*
- (13) Bawang merah kecil (India)
- (14) Bawang besar import
- (15) Ubi kentang import (China)
- (16) Kacang dal (Australia)

**Penentuan harga maksimum telah dibuat di peringkat pengeluaran (bagi ayam dan telur ayam), borong dan runcit dalam rantai pengedaran mengikut kewajaran dan kesesuaian.** Penentuan ini dibuat agar penguatkuasaan kawalan harga adalah lebih berkesan dan penawaran harga yang berpatutan untuk barangan perlu bagi manfaat pengguna dan peniaga.

Harga maksimum ditentukan bagi 16 barangan harga terkawal di 91 buah daerah di Semenanjung; 32 buah daerah di Sarawak; 27 buah daerah di Sabah dan sebuah daerah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menentukan harga maksimum pengeluaran, borong dan runcit berdasarkan kepada maklumat harga dari punca-punca berikut:

- (i) pemantauan harga di semua daerah di seluruh negara sepanjang tahun 2017 dan pada bulan Januari hingga Oktober 2018 berdasarkan kepada pungutan harga yang ditetapkan secara mingguan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna;
- (ii) pandangan pelbagai agensi Kerajaan yang berkaitan iaitu Jabatan Pertanian Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) ; dan

- (iii) perbincangan dengan pengeluar, pengimport, pembekal dan pemborong barangan tersebut.

**Para peniaga diwajibkan menjual barangan harga terkawal tidak melebihi harga maksimum yang ditentukan oleh Kerajaan dan meletakkan tanda harga khas berwarna merah jambu ke atas barangan harga terkawal bagi membezakan dengan barangan lain.** Walau bagaimanapun, peniaga **digalakkan untuk menjual barangan tersebut lebih rendah daripada harga maksimum sekiranya harga yang diperolehi adalah lebih rendah.**

Para peniaga juga diingatkan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini. Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

- (i) **Kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum:**
  - (a) **Individu;** boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000; dan
  - (b) **Syarikat;** boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000;
- (ii) **kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal:**
  - (a) **individu;** boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000; dan
  - (b) **syarikat;** boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

Dalam usaha untuk melindungi pengguna, Kementerian turut meningkatkan keberadaan **pegawai-pegawai penguatkuasa di tempat-tempat terpilih yang menjadi tumpuan orang ramai melalui tindakan *Omnipresence*.** Ini bertujuan mewujudkan ruang persekitaran perniagaan yang selamat dan beretika melalui kehadiran pegawai penguatkuasa.

Di samping itu, Kementerian turut memperkukuhkan pemantuan harga dengan mengadakan kerjasama bersama pelbagai pihak, antara lain:

- i. **Pegawai Pemantau Harga** yang menjalankan pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara di bawah Kementerian;
- ii. **Friends Of KPDHEP (FOK)** yang merupakan mata dan telinga Kementerian. Kementerian akan bekerjasama dengan Pengguna yang menyertai program ini bagi menyebarkan maklumat berhubung kepenggunaan terutama mengenai isu harga barang; dan
- iii. **Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan** lain serta penglibatan **penghulu dan penggawa** dalam membantu memantau dan menyalurkan maklumat kenaikan harga barangan.

Selain itu, Kementerian telah menyediakan **pelbagai medium penyaluran aduan** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan isu harga. **Kementerian** turut mewujudkan **Skwad Tindakan Aduan Rakyat (STAR)** dalam usaha untuk **menangani aduan** rakyat dengan lebih **berkesan**.

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna** akan membuat **hebahan dan publisiti** mulai sekarang bagi memaklumkan mengenai harga maksimum yang telah ditentukan kepada para peniaga dan orang ramai.

Skim ini dilaksanakan **supaya pengguna dapat memperoleh barangan perlu musim perayaan pada harga yang berpatutan dan menyekat daripada peningkatan harga yang melampau**. Selain itu, ia juga merupakan antara **langkah Kerajaan untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat dalam negara**. Peniaga hendaklah mematuhi arahan yang dikenakan dan mengamalkan sikap beretika dalam menguruskan perniagaan manakala **pengguna mestilah mengetahui tanggungjawab dan menggunakan hak mereka**. Skim ini akan berjaya sekiranya semua pihak bertanggungjawab dan memainkan peranan masing-masing.

Jika didapati ada peniaga yang tidak mematuhi undang-undang berkenaan dengan skim ini, pengguna boleh menyalurkan aduan kepada Kementerian ini melalui:

- (i) talian 03-8000 8000 **1Malaysia One Call Centre (1MOCC)**
- (ii) talian bebas tol **Pusat Informasi dan Gerakan Operasi Strategik (PIGOS) 03-8882 6245 / 6088**
- (iii) aplikasi telefon pintar **Ez ADU**

- (iv) emel ke alamat **e-aduan@kpdnkk.gov.my**
- (v) SMS ke **15888** dengan menaip “**KPDNKK ADUAN <butiran aduan>**”
- (vi) lapor/hadir ke mana-mana 73 buah pejabat KPDHEP di seluruh negara
- (vii) Whatsapp ke 019-279 4317

**###**

---

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**LUQMAN HAKIM ABD MALIK**

Ketua Komunikasi Korporat KPDNHEP

Tel : 03-88825563 / 012-2065465

Emel : [lugman.hakim@kpdnkk.gov.my](mailto:lugman.hakim@kpdnkk.gov.my)

**ZAMRI BAHAWI**

Pegawai Penguatkuasa

Tel : 03-88826236

Emel : [zamribahawi@kpdnkk.gov.my](mailto:zamribahawi@kpdnkk.gov.my)

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampai sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah self-regulated, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam mengurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNKK :

